

# Perbanyak program tanam pokok di KL

**SAUDARA PENGARANG,**

**SEBAGAI** ibu kota yang pesat membangun, Kuala Lumpur tidak terkecuali daripada mengalami fenomena pulau haba bandar iaitu suatu keadaan apabila suhu di ibu kota lebih tinggi berbanding kawasan sekitarnya.

Fenomena itu berpunca daripada aktiviti pembangunan yang mengakibatkan banyak pokok terpaksa dikorbankan bagi memberi laluan kepada pembinaan bangunan, jalan raya, transit aliran massa (MRT) serta pelbagai projek infrastruktur lain. Struktur binaan konkrit telah menggantikan tumbuhan hijau sehingga menyebabkan suhu semakin meningkat dan sinaran cahaya matahari terus memancar ke permukaan bumi.

Sebagai contoh, ada beberapa kawasan di ibu kota yang dahulunya terdapat pokok di sepanjang jalan, kini berubah landskap apabila terpaksa ditebang untuk kerja-kerja pelebaran laluan. Meskipun projek itu memberi manfaat kepada pengguna jalan raya tetapi kesan negatifnya kepada alam sekitar tidak dapat dielakkan.

Keadaan cuaca panas telah membataskan aktiviti sehari-orang ramai terutama kegiatan riadah dan sosial pada


hujung minggu. Suhu panas membahang juga menyebabkan penggunaan tenaga elektrik meningkat apabila kipas dan pendingin hawa terpaksa dipasang sepanjang masa termasuk pada waktu malam.

Bukan sahaja warga tempatan, sesetengah pelancong asing juga mungkin tidak berasa selesa untuk bergambar di lokasi tumpuan ramai seperti di KLCC dan Istana Negara akibat cuaca panas.

Kuala Lumpur memerlukan lebih banyak pokok baharu bagi mengurangkan kesan pulau haba bandar dan menambah baik kualiti udara. Dicadangkan kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengadakan aktiviti menanam pokok pada minggu tertentu setiap bulan. Orang ramai serta sukarelawan daripada pertubuhan bukan kerajaan dan pelajar bolehlah diundang bagi menjayakan program penanaman pokok itu.

Selain membantu menambah kawasan hijau di Kuala Lumpur, aktiviti itu dapat memupuk semangat cintakan alam sekitar terutama dalam kalangan generasi muda.

**M. FAISAL**  
Kuala Lumpur



LEBIH banyak pokok baharu perlu ditanam di Kuala Lumpur bagi mengurangkan kesan pulau haba bandar. - GAMBAR HIASAN/  
BERNAMA